

01 OCT 2001

Brunei-Tiba

SULTAN BRUNEI TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan dua hari ke Malaysia bagi mengadakan rundingan tahunan kelima dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pesawat khas yang membawa baginda dan rombongan mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang kira-kira pukul 10 pagi.

Hadir di lapangan terbang itu untuk menyambut ketibaan Sultan Hassanal Bolkiah ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sultan Brunei diiringi oleh Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pengiran Isteri Mariam dan delegasi yang termasuk anggota kerabat diraja, Penasihat Khas Sultan, Pehin Awang Isa, Menteri Pendidikan, Pehin Abdul Aziz dan para pegawai kanan kerajaan.

Kenyataan Wisma Putra semalam berkata perbincangan empat mata antara Sultan Hassanal Bolkiah dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya petang ini akan menumpukan kepada perkara mengenai hubungan dua hala, isu serantau dan perkembangan semasa dunia.

Bulan lepas Sultan Brunei melakukan lawatan tiga hari ke Sabah.

Lawatan terakhir Dr Mahathir ke Brunei ialah pada Oktober tahun lepas.

Malam ini Sultan Hassanal Bolkiah dan delegasinya akan diraikan pada majlis makan malam oleh Perdana Menteri di kediaman rasminya, Seri Perdana, Putrajaya.

Sultan Brunei juga akan dianugerahi ijazah doktor falsafah kehormat sains politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada majlis konvokesyen khas esok.

Perdagangan antara Malaysia dan Brunei pada tahun lepas berjumlah RM979.4 juta. Malaysia mengeksport barangan bernilai RM965 juta dan mengimport barangan bernilai RM14 juta.

Bagi tempoh separuh tahun pertama tahun ini, jumlah perdagangan ialah RM656.6 juta. Jumlah pelaburan Brunei di Malaysia tahun lepas ialah RM48 juta.

-- BERNAMA

MAM KHY RM NMO